



BAB EMPAT

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

BAB EMPAT

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, penyelidik menganalisis dan menghuraikan dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan empat bahagian iaitu :

- a) Soal selidik pelajar
- a) Ujian bertulis pelajar
- b) Temu bual guru bahasa Arab
- c) Pemerhatian di dalam bilik darjah.

Dapatan kajian ini dibincangkan secara huraian deskriptif dengan menggunakan pengukuran kecenderungan memusat iaitu merujuk kepada purata atau nilai yang boleh menerangkan kandungan sesuatu set markah yang merangkumi frekuensi, min, median, dan mod (Mohd Najib Ghafar, 1997:166). Selain itu, ukuran keserakan digunakan untuk melihat sama ada nilai-nilai dalam suatu kumpulan data berdekatan atau berjauhan antara satu sama lain yang merangkumi julat dan sisihan piawai. (Chua Yan Piaw, 2006:8)

Kedua-dua ukuran ini digunakan dalam menganalisis ujian bertulis pelajar. Bagi setiap item soal selidik pula hanya menggunakan frekuensi dan peratusan sahaja. Manakala dapatan temu bual guru bahasa Arab dan pemerhatian di dalam bilik darjah dibincangkan secara kualitatif dan huraian deskriptif. Dapatan kajian ini juga dipaparkan dan dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta bar, dan carta pai bagi memudahkan dan melancarkan pemahaman pembaca mengikut instrumen yang digunakan sepanjang kajian dilaksanakan.

4.1 Huraian Soal Selidik Pelajar

Dapatan soal selidik pelajar dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu maklumat peribadi responden, maklumat pembelajaran responden dan maklumat penguasaan responden terhadap kata nama bahasa Arab.

4.1.1 Maklumat Peribadi Responden

Dapatan kajian dalam bahagian ini merangkumi aspek-aspek berikut:

- a) Jantina
- b) Umur
- c) Keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).
- d) Keputusan Bahasa Arab Komunikasi dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun.
- e) Bahasa pertuturan di rumah.
- f) Pekerjaan ibu bapa responden.
- g) Tahap pendidikan tertinggi ibu bapa responden.
- h) Pendapatan keluarga responden.

Jadual 4.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina dan Umur

Perkara		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	18	36
	Perempuan	32	64
	Jumlah	50	100
Umur	14 tahun	50	100
	Jumlah	50	100

Berdasarkan Jadual 4.1 responden kajian ini terdiri daripada 50 orang pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama (KAA) tahun 2008 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Pasir Puteh, Ipoh, Perak yang mewakili 18 orang pelajar lelaki (36%) dan 32

orang pelajar perempuan (64%). Kesemua responden berumur 14 tahun dan telah mempelajari mata pelajaran ini selama satu setengah tahun sehingga kajian dijalankan.

Jadual 4.2 : Taburan Responden Mengikut Keputusan Peperiksaan UPSR

Perkara	Gred A	Kekerapan	Peratus
Keputusan UPSR	5A	6	12
	4A	14	28
	3A	27	54
	2A	3	6
	Jumlah	50	100

Data daripada Jadual 4.2 menunjukkan responden telah mendapat keputusan peperiksaan UPSR dengan pencapaian antara 2A hingga 5A. Seramai 27 orang responden (54%) mendapat keputusan 3A, 14 orang responden (28%) mendapat keputusan 4A, 6 orang responden (12%) mendapat keputusan 5A dan 3 orang responden sahaja (6%) yang mendapat keputusan 2A dalam ujian tahun enam tersebut.

Jadual 4.3 : Taburan Responden Mengikut Keputusan Bahasa Arab Komunikasi

Dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun

Perkara	Gred	Kekerapan	Peratus
Keputusan BAK dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun	Gred A	6	12
	Gred B	14	28
	Gred C	15	30
	Gred D	13	26
	Gred E	2	4
	Jumlah	50	100

Manakala keputusan BAK dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun, seperti dalam Jadual 4.3 menunjukkan orang responden (12%) memperolehi keputusan gred A, diikuti 14 orang responden (28%) mendapat keputusan gred B, 15 orang responden (30%) mendapat gred C, 13 orang responden (26%) mendapat gred D dan 2 orang responden (4%) gagal iaitu mendapat gred E.

Jadual 4.4 : Taburan Responden Mengikut Penggunaan Bahasa Pertuturan Di Rumah

Perkara	Gred	Kekerapan	Peratus
Bahasa pertuturan di rumah	Bahasa Melayu	50	100
	Bahasa Inggeris	31	62

Dapatan soal selidik juga mendapati kesemua responden menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan harian dan tiada seorang pun daripada mereka yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pertuturan baik di sekolah atau di rumah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.4. Sebaliknya 31 orang responden (62%) menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan di rumah dan selebihnya tidak menjawab item soalan ini. Keadaan ini menunjukkan bahasa Arab adalah bahasa asing bagi responden dan sedikit sebanyak mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Arab mereka.

Dari segi sosioekonomi ibu bapa responden pula, ada yang terlibat dalam sektor awam, sektor swasta dan bekerja sendiri. Sebahagian besar ibu bapa responden iaitu 60% mendapat pendidikan di peringkat sekolah menengah sahaja dan hanya sebilangan kecil daripada mereka mendapat pendidikan di peringkat ijazah yang mewakili 7%.

Manakala dari segi pendapatan bulanan keluarga pula, seramai 27 buah keluarga (54%) memperolehi pendapatan antara RM500-RM1500, tiga buah keluarga berpendapatan

antara RM1501-RM2000, enam buah keluarga berpendapatan antara RM2001-RM2500 dan 14 buah keluarga berpendapatan RM2501 ke atas.

4.1.2 Maklumat Pembelajaran Responden

Data berkenaan maklumat pembelajaran responden tertumpu kepada beberapa aspek umum pembelajaran bahasa Arab meliputi:

- a) Pilihan responden memasuki Kelas Aliran Agama.
- b) Responden pernah mempelajari bahasa Arab di sekolah rendah.
- c) Minat responden mempelajari bahasa Arab.
- d) Tanggapan responden terhadap mata pelajaran bahasa Arab.
- e) Tujuan responden mempelajari bahasa Arab.
- f) Cita-cita responden untuk menguasai bahasa Arab dengan baik.
- g) Perasaan responden terhadap keputusan bahasa Arab yang lepas.
- h) Penyediaan jadual khusus untuk mengulangkaji bahasa Arab di luar waktu persekolahan.
- i) Hasrat responden untuk meneruskan pembelajaran bahasa Arab selepas Penilaian Menengah rendah (PMR).
- j) Sumber-sumber yang digunakan oleh responden dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab.

Jadual 4.5 : Taburan Responden Mengikut Pilihan Memasuki KAA

Perkara		Kekerapan	Peratus
Memasuki KAA atas pilihan sendiri	Ya	47	94
	Tidak	3	6
	Jumlah	50	100

Dalam Jadual 4.5 didapati seramai 47 orang responden (94%) menyatakan kemasukan mereka ke Kelas Aliran Agama dengan pilihan sendiri. Manakala bakinya 3 orang

responden (6%) menyatakan sebaliknya. Situasi ini juga mempengaruhi minat responden terhadap pembelajaran bahasa Arab, seterusnya memberi kesan terhadap tahap penguasaan mereka dalam bahasa tersebut.

Jadual 4.6 : Taburan Responden Mengikut Pernah Mendapat Mempelajari Mata Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi

Perkara		Kekerapan	Peratus
Pernah mempelajari bahasa Arab di sekolah rendah	Pernah	25	50
	Tidak pernah	25	50
	Jumlah	50	100

Jadual 4.6 menunjukkan sebahagian daripada responden (50%) telah pun mendapat pendedahan mengenai mata pelajaran bahasa Arab dan mempelajarinya secara formal di sekolah rendah. Manakala sebahagian lagi daripada mereka hanya mempelajari mata pelajaran ini secara formal di sekolah menengah dalam Kelas Aliran Agama.

Jadual 4.7 : Taburan Responden Mengikut Minat Mempelajari Bahasa Arab

Perkara		Kekerapan	Peratus
Minat mempelajari bahasa Arab	Sangat berminat	19	38
	Berminat	29	58
	Kurang berminat	2	4
	Jumlah	50	100


Gabungan jumlah responden yang sangat berminat dan berminat mempelajari bahasa Arab sebanyak 48 orang, seperti dalam Jadual 4.7, menunjukkan peratusan yang sangat tinggi dan membanggakan iaitu 96%. Sebaliknya 2 orang responden sahaja (4%) yang kurang berminat mempelajari mata pelajaran tersebut.

Jadual 4.8 : Taburan Responden Mengikut Tanggapan Bahasa Arab Mata Pelajaran
Yang Senang Dikuasai

Perkara		Kekerapan	Peratus
Bahasa Arab mata pelajaran yang senang dikuasai	Senang	6	12
	Sederhana	36	72
	Susah	6	12
	Sangat susah	2	4
	Jumlah	50	100

Manakala dalam Jadual 4.8, menunjukkan 12% daripada responden menganggap bahasa Arab adalah mata pelajaran yang senang dikuasai, 72% responden menyatakan sederhana dikuasai, 6 % responden menyatakan susah dikuasai dan 2% responden menyatakan sangat susah dikuasai.

Berdasarkan carta pai dalam Rajah 4.1 di bawah, dapatan kajian menunjukkan beberapa tujuan responden mempelajari bahasa Arab. Tujuan utama mereka mempelajarinya untuk memahami al-Quran dan al-Hadis yang mewakili sebanyak 34%. Seterusnya supaya boleh bertutur dalam bahasa Arab sebanyak 28%, untuk mendalami agama Islam sebanyak 26%, diikuti dengan tujuan melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah dan dorongan daripada keluarga sebanyak 6%.



Rajah 4.1 : Tujuan Responden Mempelajari Bahasa Arab

Jadual 4.9 : Taburan Responden Mengikut Cita-cita Menguasai Bahasa Arab

Perkara		Kekerapan	Peratus
Bercita-cita menguasai bahasa Arab dengan baik	Ya	49	98
	Tidak	1	2
	Jumlah	50	100

Hasil kajian juga mendapati sebilangan besar responden bercita-cita untuk menguasai bahasa Arab dengan baik yang mewakili 98% daripada mereka dan seorang sahaja yang tidak bercita-cita untuk menguasainya seperti yang tertera dalam Jadual 4.9.

Jadual 4.10 : Taburan Responden Mengikut Kepuasan Hati Dengan Keputusan

Bahasa Arab Yang Lepas

Perkara		Kekerapan	Peratus
Berpuas hati dengan keputusan bahasa Arab yang lepas	Ya	6	12
	Tidak	44	88
	Jumlah	50	100

Di samping itu, bilangan responden yang tidak berpuas hati dengan dengan keputusan bahasa Arab yang lepas menunjukkan satu jumlah yang besar iaitu seramai 44 orang (88%), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.10 di atas.

Jadual 4.11 : Taburan Responden Mengikut Penyediaan Jadual Khusus Mengulangkaji Bahasa Arab Di Luar Waktu Persekolahan

Perkara		Kekerapan	Peratus
Menyediakan jadual khusus mengulangkaji bahasa Arab di luar waktu persekolahan	Ya	10	20
	Tidak	40	80
	Jumlah	50	100


Bagaimanapun hanya 10 orang daripada responden (20%) sahaja yang mempunyai jadual khusus untuk mengulangkaji bahasa Arab di luar waktu persekolahan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.11 dan selebihnya 40 orang responden (80%) tidak berbuat demikian.

Jadual 4.12 : Taburan Responden Mengikut Hasrat Meneruskan Pembelajaran Bahasa Arab Selepas PMR Ke Peringkat Lebih Tinggi

Perkara		Kekerapan	Peratus
Berhasrat meneruskan pembelajaran bahasa Arab selepas PMR ke peringkat lebih tinggi	Ya	32	64
	Tidak	18	36
	Jumlah	50	100

Sementara itu dalam Jadual 4.12, menunjukkan seramai 32 orang responden (64%) berhasrat meneruskan pembelajaran bahasa Arab selepas peperiksaan Penilaian Menengah Rendah ke peringkat yang lebih tinggi. Sebaliknya 18 orang responden (36%) hanya memilih untuk mempelajari bahasa Arab di peringkat menengah rendah sahaja dan tidak berhasrat meneruskannya ke tahap yang lebih tinggi.

Di samping itu, responden juga mengambil inisiatif sendiri untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab mereka dengan menggunakan buku rujukan, kamus, nota seramai 17 orang (34%), mengikuti program bahasa Arab dalam siaran radio seramai 14 orang (28%), menggunakan majalah dan buku cerita bahasa Arab masing-masing seramai 7 orang (14%) dan melayari internet seramai 5 orang (10%). Perincian peratusan penggunaan sumber-sumber lain oleh responden mempelajari bahasa Arab boleh dilihat seperti dalam Rajah 4.2 di bawah.



Rajah 4.2 : Penggunaan Sumber-sumber Lain Meningkatkan Penguasaan Bahasa Arab

4.1.3 Maklumat Penguasaan Responden Terhadap Kata Nama Bahasa Arab

Maklumat penguasaan responden terhadap kata nama bahasa Arab diperincikan kepada beberapa aspek yang berkaitan. Hasil kajian seperti dalam Jadual 4.13, mendapati lebih daripada separuh responden iaitu 27 orang (54%) menghadapi masalah mengingati kata nama bahasa Arab dan hampir separuh lagi daripada mereka iaitu seramai 23 orang (46%) tidak bermasalah dalam mengingati kata nama tersebut.


Jadual 4.13 : Taburan Responden Mengikut Masalah Mengingati Kata Nama Bahasa Arab

Perkara		Kekerapan	Peratus
Masalah mengingati kata nama bahasa Arab	Ya	27	54
	Tidak	23	46
	Jumlah	50	100

Jadual 4.14 : Taburan Responden Mengikut Kebolehan Membezakan Antara Kata Nama, Kata Kerja Dan Partikel

Perkara		Kekerapan	Peratus
Boleh membezakan antara kata nama, kata kerja dan partikel dengan baik	Ya	31	62
	Tidak	19	38
	Jumlah	50	100

Di samping itu, dalam Jadual 4.14, menunjukkan seramai 31 orang responden dapat membezakan antara golongan kata bahasa Arab yang merangkumi kata nama, kata kerja dan partikel dengan baik. Manakala 19 orang responden (38%) tidak dapat membezakan antara golongan kata tersebut.



Rajah 4.3 : Tahap Penguasaan Responden Terhadap Kata Nama Bahasa Arab

Berpandukan carta pai dalam Rajah 4.3, seramai 29 (58%) orang responden menyatakan penguasaan mereka dalam kata nama bahasa Arab adalah pada tahap sederhana, diikuti oleh 13 orang responden (26%) pada tahap baik, 7 orang responden (14%) pada tahap lemah dan hanya seorang responden (2%) pada tahap amat baik.

Jadual 4.15 : Taburan Responden Mengikut Pernyataan Kelemahan Menguasai Kata Nama Bahasa Arab Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Arab Keseluruhan

Perkara		Kekerapan	Peratus
Kelemahan menguasai kata nama bahasa Arab mempengaruhi penguasaan bahasa Arab secara keseluruhan	Ya	18	36
	Tidak	32	64
	Jumlah	50	100

Berpandukan Jadual 4.15, seramai 32 orang responden (64%) berpendapat kelemahan mereka dalam menguasai kata nama bahasa Arab tidak mempengaruhi penguasaan bahasa Arab secara keseluruhannya. Sebaliknya 18 orang responden (36%) bersetuju

kelemahan mereka dalam menguasai kata nama bahasa Arab turut mempengaruhi penguasaan bahasa Arab secara keseluruhannya.

Jadual 4.16 : Kekerapan Guru Memberikan Galakan Kepada Pelajar
Menguasai Kata Nama Bahasa Arab

Perkara	Kekerapan	Peratus
Selalu	44	88
Pernah	4	8
Kadang-kadang	2	4
Jumlah	50	100

Jika ditinjau dari segi kekerapan guru dalam memberikan kepada responden supaya menguasai kata nama bahasa Arab berdasarkan Jadual 4.16, seramai 44 orang daripada mereka menyatakan guru selalu berbuat demikian. Sementara itu, 2 orang responden menyatakan kadang-kadang sahaja guru menggalakkan mereka untuk menguasai kata nama bahasa Arab dan 4 orang responden menyatakan guru pernah berbuat demikian.

Jadual 4.17 : Taburan Responden Mengikut Usaha Mereka Menguasai Kata Nama
Bahasa Arab Berdasarkan Teknik-teknik Tertentu

Perkara		Kekerapan	Peratus
Usaha responden menguasai kata nama bahasa Arab mengikut teknik-teknik tertentu	Ya	43	86
	Tidak	7	14
	Jumlah	50	100

Manakala 43 orang responden (86%) menyatakan mereka juga berusaha untuk menguasai bahasa Arab dengan menggunakan teknik-teknik tertentu. Namun sebaliknya, 7 orang responden (14%) tidak berusaha ke arah tersebut seperti dalam Jadual 4.17.

4.2 Analisis Kesilapan Jawapan Pelajar Dalam Ujian Bertulis

Berdasarkan skrip jawapan responden dalam ujian bertulis yang dijalankan, penyelidik telah mengenal pasti beberapa kelemahan mereka dalam menjawab kesemua soalan tersebut. Analisis kesilapan jawapan responden disertakan dengan contoh-contoh jawapan mereka dan jawapan sebenar, mengikut bahagian-bahagian soalan seperti berikut:

4.2.1 Analisis Kesilapan Pelajar Dalam Soalan 1

Segelintir daripada pelajar tidak dapat membezakan antara golongan kata dalam bahasa Arab dengan meletakkan golongan kata tersebut bukan dalam golongannya. Berikut adalah beberapa contoh kesilapan jawapan pelajar dalam Soalan 1:

- a) Meletakkan kata nama dalam ruangan partikel.

الحَرْفُ
الفَصْلُ، السُّوقُ، الجامِعَةُ، الرَّفُّ، الإِلِكْتُرُونِي

Jawapan yang tepat:

الحَرْفُ
فِي، مِنْ، إِلَى، عَلَى، بِ

- b) Meletakkan kata nama dalam ruangan kata kerja.

الفِعْلُ
الفَصْلُ، السُّوقُ، الرَّفُّ، أَخِي

Jawapan yang tepat:

الفِعْلُ
رَأَى، تَرَجَّعُ، تَرَكَّبُ، وَضَعَ، أَرْسَلَ

- c) Meletakkan partikel dalam ruangan kata kerja.

الفِعْلُ
فِي، مِنْ، إِلَى، عَلَى، بِ

Jawapan yang tepat:

الفِعْلُ
رَأَى، تَرَجَّعُ، تَرَكَّبُ، وَضَعَ، أَرْسَلَ

- d) Mencampuradukkan antara semua golongan kata bahasa Arab di setiap ruangan kata nama, kata kerja dan partikel.

الرَّقْمُ	الاسْمُ	الفِعْلُ	الحَرْفُ
١	تَرَجَّعُ الْمَرْأَةُ	مِنْ	السُّوقُ
٢	هِيَ تَرَكَّبُ السِّيَّارَةَ	إِلَى	الْجَامِعَةَ

Jawapan yang tepat:

الرَّقْمُ	الاسْمُ	الفِعْلُ	الحَرْفُ
١	الْمَرْأَةُ، السُّوقُ	تَرَجَّعُ	مِنْ
٢	هِيَ، السِّيَّارَةَ، الْجَامِعَةَ	تَرَكَّبُ	إِلَى

4.2.2 Analisis Kesilapan Pelajar Dalam Soalan 2

Berdasarkan contoh jawapan pelajar dalam Soalan 2, kesilapan yang dikenalpasti ialah mereka tidak dapat membezakan antara Kata Nama Mudhakkar dan Kata Nama Mu'annath. Selain itu, mereka tidak dapat membezakan antara tanda-tanda bagi Kata Nama Mudhakkar dan Kata Nama Mu'annath seperti dalam contoh di bawah:

- a) Tidak dapat membezakan antara Kata Nama Mudhakkar dan Kata Nama Mu'annath.

الْأَسْمَاءُ الْمَوْثِقَةُ	الْأَسْمَاءُ الْمَذَكَّرَةُ	الرَّقْمُ
بَيْتٌ	سَمَاءٌ	١

Jawapan yang tepat:

الْأَسْمَاءُ الْمَوْثِقَةُ	الْأَسْمَاءُ الْمَذَكَّرَةُ	الرَّقْمُ
سَمَاءٌ	بَيْتٌ	١

- b) Tidak dapat membezakan antara tanda-tanda Kata Nama Mudhakkar dan Kata Nama Mu'annath.

الْأَسْمَاءُ الْمَوْثِقَةُ	الْأَسْمَاءُ الْمَذَكَّرَةُ	الرَّقْمُ
أَسَدٌ	بِنْتُ	١
كُرْسِيٌّ	سَمَاءٌ	٢
بَيْتٌ	سَلْمَى	٣

Jawapan yang tepat:

الْأَسْمَاءُ الْمَوْثِقَةُ	الْأَسْمَاءُ الْمَذَكَّرَةُ	الرَّقْمُ
بِنْتُ	أَسَدٌ	١
سَمَاءٌ	كُرْسِيٌّ	٢
سَلْمَى	بَيْتٌ	٣

4.2.3 Analisis Kesilapan Pelajar Dalam Soalan 3

Berikut adalah bentuk-bentuk kesilapan jawapan pelajar dalam setiap Soalan 3:

- a) Seramai 12 orang pelajar tidak dapat membezakan antara Kata Nama Mufrad Mudhakkar dan Mufrad Mu'annath, dengan menambah fonem Ta' Marbu: at di akhir Kata Nama Tunggal untuk lelaki, contohnya:

Contoh Jawapan	Jawapan Pelajar
وَصَلَ التَّلْمِيذَانِ إِلَى الْمَدْرَسَةِ. التَّلْمِيذُ	وَصَلَ التَّلْمِيذَانِ إِلَى الْمَدْرَسَةِ. التَّلْمِيذَةُ

- b) Segelintir pelajar tidak memahami kehendak soalan dengan mengisi jawapan lain di ruangan jawapan, contohnya:

Contoh Jawapan	Jawapan Pelajar
يَشْتَرِي الكُتُبَ فِي المَعْرَضِ. الكِتَابُ	يَشْتَرِي الكُتُبَ فِي المَعْرَضِ. مُفْرَدٌ

- c) Seramai 17 orang pelajar tidak dapat menukarkan bentuk Kata Nama Jama' kepada Kata Nama Mufrad, contohnya:

Contoh Jawapan	Jawapan Pelajar
يَزُورُ السَّائِحُونَ بِأَدْنَا مَا لِيَزِيَا. السَّائِحُ	السَّائِحُونَ سائح، الساء، سائحو، السعاح، سائحون

- d) Seramai 40 orang pelajar tidak dapat menukarkan bentuk Kata Nama Jama' Mu'annath Sa:lim kepada Kata Nama Mufrad Mu'annath, contohnya:

Contoh Jawapan	Jawapan Pelajar
اللَّاعِبَاتُ يَلْعَبْنَ كُرَّةَ السَّلَةِ. اللَّاعِبَةُ	اللَّاعِبَاتُ لاعب، العب، لاعبات، اللعب، لعب، العلب، عبت

- e) Seramai 31 orang pelajar tidak dapat menukarkan Kata Nama Muthanna Mu'annath kepada Kata Nama Mufrad Mu'annath, contohnya:

Contoh Jawapan	Jawapan Pelajar
تُسَاعِدُ الْمَمْرُضَاتَانَ الطَّيِّبَ فِي عِلَاجِ الْمَرْضَى . الْمَمْرُضَةُ	المَمْرُضَاتَانِ الممرضة، المرضة، الممرض، المرض، الممرض، مرضت، المرضية

4.2.4 Analisis Kesilapan Dalam Soalan 4

Kesilapan-kesilapan pelajar dalam soalan empat seperti di bawah:

- a) Tidak dapat menyenaraikan kesemua Kata Nama Ma'rifat dan Kata Nama Nakirat dalam ruangan jawapan yang disediakan, contohnya:

الْأَسْمَاءُ الْمَعْرُفَةُ	الْأَسْمَاءُ النَّكِرَةُ	الرَّقْمُ
الْجَوْلَةُ	يُوسُفُ	١
الْمَدْرَسَةُ	عَاصِمَةٌ	٢
السَّفَرُ	كُوَالَا الْمُفُورُ	٣

- b) Meletakkan Kata Kerja dalam ruangan Kata Nama Nakirat, contohnya:

الْأَسْمَاءُ النَّكِرَةُ	الرَّقْمُ
يَشْتَرِكُ	١
يَنْطَلِقُ	٢
يَشْعُرُ	٣

- c) Meletakkan Kata Nama Ma'rifat dalam ruangan Kata Nama Nakirat dan sebaliknya, contohnya :

الْأَسْمَاءُ الْمَعْرُفَةُ	الْأَسْمَاءُ النَّكِرَةُ	الرَّقْمُ
عَاصِمَةٌ	الْجَوْلَةُ	١
مُعَلِّمِينَ	الْمَدْرَسَةُ	٢
بِقَرْحِ	السَّفَرُ	٣

Jawapan yang tepat:

الْأَسْمَاءُ الْمَعْرِفَةُ	الْأَسْمَاءُ التَّكْرِيهُ	الرَّقْمُ
الْجَوْلَةُ	عَاصِمَةٌ	١
الْمُدْرَسَةُ	مُعَلِّمِينَ	٢
السَّفَرُ	بِفَرْحٍ	٣

4.2.5 Analisis Kesilapan Dalam Soalan 5

Kesilapan yang ketara dilakukan oleh pelajar dalam menjawab Soalan 5 adalah mereka tidak dapat membezakan antara penggunaan Kata Tunjuk, seperti berikut:

- a) Seramai 5 orang pelajar tidak dapat membezakan antara penggunaan Kata Tunjuk (هَذَا) dan (هَذِهِ), contohnya:

هَذَا / هَذِهِ صُورَةُ الْمَنَاطِرِ فِي شَاطِئِ الْبَحْرِ.

Jawapan yang tepat:

هَذِهِ صُورَةُ الْمَنَاطِرِ فِي شَاطِئِ الْبَحْرِ.

Pelajar menggunakan Kata Tunjuk (هَذَا) yang menunjukkan penggunaannya untuk Mufrad Mudhakkar, sedangkan perkataan sebelum Kata Tunjuk dalam ayat ini adalah Mufrad Mu'annath (صُورَةٌ).

- b) Seramai 8 orang pelajar tidak dapat membezakan antara penggunaan Kata Tunjuk (ذَلِكَ) dan (تِلْكَ), contohnya:

سَلَّمْتُ ذَلِكَ / تِلْكَ الْهَدِيَّةَ إِلَى صَدِيقِي.

Jawapan yang tepat:

سَلَّمْتُ تِلْكَ الْهَدِيَّةَ إِلَى صَدِيقِي.

Pelajar menggunakan Kata Tunjuk (ذَلِكَ) yang menunjukkan penggunaannya untuk Mufrad Mudhakkar, sedangkan perkataan sebelum Kata Tunjuk dalam ayat ini adalah Mufrad Mu'annath (الْهَدِيَّةُ).

- c) Seramai 6 orang pelajar tidak dapat membezakan antara penggunaan Kata Tunjuk (هَاتَانِ) dan (هَذَانِ), contohnya:

هَاتَانِ / هَذَانِ الْمُوظَّفَانِ يَهْتَمَّانِ بِأَعْمَالِهِمَا.

Jawapan yang tepat:

هَذَانِ الْمُوظَّفَانِ يَهْتَمَّانِ بِأَعْمَالِهِمَا.

Pelajar menggunakan Kata Tunjuk (هَاتَانِ) yang menunjukkan penggunaannya untuk Muthanna Mu'annath, sedangkan perkataan sebelum Kata Tunjuk dalam ayat ini adalah Muthanna Mudhakkar (المُوظَّفَانِ) .

- d) Seramai 10 orang pelajar tidak dapat membezakan antara penggunaan Kata Tunjuk (هَؤُلَاءِ) dan (هُنَاكَ), contohnya:

هَؤُلَاءِ / هَاتَانِ الْأَوْلَادُ يَلْعَبُونَ فِي الْمَلْعَبِ.

Jawapan yang tepat:

هَؤُلَاءِ الْأَوْلَادُ يَلْعَبُونَ فِي الْمَلْعَبِ.

Pelajar menggunakan Kata Tunjuk (هُؤُلَاءِ) yang menunjukkan penggunaannya untuk Muthanna Mudhakkar, sedangkan perkataan sebelum Kata Tunjuk dalam ayat ini adalah Jama‘ Taksi:r (الأَوْلَادُ) .

- e) Seramai 22 orang pelajar tidak dapat membezakan antara penggunaan Kata Tunjuk (هُنَاكَ) dan (هَذَا), contohnya:

يُسَافِرُ الْمَسَافِرُ إِلَى هَذَا / هُنَاكَ مُبَكَّرًا.

Jawapan yang tepat:

يُسَافِرُ الْمَسَافِرُ إِلَى هُنَاكَ مُبَكَّرًا.

Pelajar menggunakan Kata Tunjuk (هَذَا) yang menunjukkan penggunaannya untuk Muthanna Mudhakkar, sedangkan perkataan sebelum Kata Tunjuk dalam ayat ini adalah Ism al-Zama:n (مُبَكَّرًا).

4.2.6 Analisis Kesilapan Dalam Soalan 6

Dalam soalan ini pelajar tidak dapat menguasai sepenuhnya penggunaan Kata Hubung dengan meletakkan Kata Hubung yang tidak tepat seperti berikut:

- a) Seramai 7 orang pelajar tidak dapat menguasai penggunaan Kata Hubung (الَّذِي),

contohnya :

Contoh Jawapan	Jawapan Pelajar
الابنُ الصَّالِحُ هُوَ الَّذِي يُطِيعُ الْوَالِدَيْنِ	الابنُ الصَّالِحُ هُوَ _____ يُطِيعُ الْوَالِدَيْنِ (الَّتِي، الَّذِينَ، الَّذِينَ)

- b) Seramai 22 orang pelajar tidak dapat menguasai penggunaan Kata Hubung (اللَّذَانِ), contohnya:

Contoh Jawapan	Jawapan Pelajar
هُمَا <u>اللَّذَانِ</u> يُنَاقِشَانِ الدَّرْسَ	هُمَا _____ يُنَاقِشَانِ الدَّرْسَ (اللَّذِي، الَّتِي، اللَّذَيْنِ، اللَّتَيْنِ)

- c) Seramai 19 orang pelajar tidak dapat menguasai penggunaan Kata Hubung (الَّتِي), contohnya:

Contoh Jawapan	Jawapan Pelajar
أَسْأَلُ <u>الَّتِي</u> الكَاتِبَةَ الَّتِي تَعْمَلُ فِي الإِدَارَةِ	أَسْأَلُ الكَاتِبَةَ _____ تَعْمَلُ فِي الإِدَارَةِ (اللَّذِي، اللَّذَيْنِ، اللَّتِي)

- d) Seramai 26 orang pelajar tidak dapat menguasai penggunaan Kata Hubung (اللَّذَيْنِ), contohnya:

Contoh Jawapan	Jawapan Pelajar
الْفَلَاحُونَ هُمُ <u>اللَّذَيْنِ</u> يَزْرَعُونَ الأُرْزَ	الْفَلَاحُونَ هُمُ _____ يَزْرَعُونَ الأُرْزَ (الَّتِي، اللَّذِي، اللَّذَانِ، اللَّتَيْنِ)

- e) Seramai 15 orang pelajar tidak dapat menguasai penggunaan Kata Hubung (اللَّذَيْنِ), contohnya:

Contoh Jawapan	Jawapan Pelajar
الأمّهات اللّاتي يُهدّين الأبناء صابرات	الأمّهات _____ يُهدّين الأبناء صابرات (التي، الّذي، اللّذين، اللّدان)

4.3 Dapatan Ujian Bertulis Pelajar

Ujian bertulis yang dijalankan kepada pelajar bertujuan mengenal pasti tahap sebenar penguasaan kata nama bahasa Arab di kalangan pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama khususnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Pasir Puteh, Ipoh, Perak dengan lebih terperinci. Selain itu mengenal pasti aspek-aspek penggolongan kata nama bahasa Arab yang dipelajari oleh pelajar-pelajar tersebut.

Item-item soalan dalam ujian bertulis ini dirangka dan disusun berpandukan golongan kata nama bahasa Arab yang terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Dua Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Dua. Kesemua bentuk dan golongan kata nama bahasa Arab tersebut telah pun dipelajari oleh responden sejak dari tingkatan satu sehinggalah kajian ini dijalankan.

Ujian bertulis ini terbahagi kepada enam bahagian soalan yang meliputi pembahagian golongan kata nama bahasa Arab sepertimana yang terkandung dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Dua Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Dua dengan jumlah skor sebanyak 100. Soalan-soalan dalam ujian ini berbentuk subjektif yang memerlukan responden menjawabnya secara mengklasifikasikan jawapan, mengisi

tempat kosong dengan jawapan yang tepat dan menentukan jawapan daripada pilihan jawapan yang disediakan.

4.3.1 Analisis Keputusan Keseluruhan Ujian Bertulis Pelajar

Kesemua skor yang diperolehi dari setiap bahagian soalan ujian bertulis ini, dikumpul dan dijumlahkan sebagaimana dapat dilihat dalam Jadual 4.18 yang tertera di bawah.

Jadual 4.18 : Keputusan Keseluruhan Ujian Bertulis Pelajar (Skor)

Responden Kajian	No. Soalan Dan Taburan Markah						Jumlah Skor
	S1	S2	S3	S4	S5	S6	
1	18	8	2	2	6	2	38
2	4	16	4	8	6	4	42
3	0	12	4	14	8	4	42
4	2	16	4	14	8	6	50
5	22	16	2	10	6	2	58
6	10	16	4	16	8	10	64
7	20	16	4	14	6	4	64
8	18	12	4	20	4	6	64
9	28	12	4	16	6	2	68
10	28	12	4	16	6	2	68
11	30	16	8	0	8	6	68
12	30	12	8	0	8	10	68
13	30	12	8	2	6	10	68
14	30	16	0	16	6	2	70
15	18	12	8	14	8	10	70
16	30	12	4	16	8	2	72
17	30	16	4	12	8	2	72
18	30	12	4	14	8	6	74
19	30	12	4	8	10	10	74
20	20	12	6	20	10	6	74
21	30	16	4	14	6	4	74
22	28	12	6	18	6	6	76
23	24	16	6	12	8	10	76
24	30	16	4	12	8	6	76
25	28	16	6	16	10	2	78
26	30	16	4	18	8	2	78
27	30	16	8	14	8	2	78
28	30	16	8	16	8	2	80
29	28	16	10	8	8	10	80
30	30	16	2	16	10	6	80
31	20	18	6	20	8	10	82
32	30	16	8	18	6	4	82

Jadual 4.18, sambungan

33	30	16	6	16	8	6	82
34	30	16	6	16	8	6	82
35	30	16	8	16	8	4	82
36	30	16	6	12	8	10	82
37	30	16	6	14	8	10	84
38	30	18	4	18	8	6	84
39	30	16	8	12	8	10	84
40	30	16	6	16	8	10	86
41	28	16	8	20	10	4	86
42	30	16	6	14	10	10	86
43	30	16	10	18	8	6	88
44	30	12	6	20	10	10	88
45	30	16	6	20	8	10	90
46	30	16	8	18	10	10	92
47	28	16	8	20	10	10	92
48	30	16	8	18	10	10	92
49	30	16	8	20	8	10	92
50	30	20	6	20	10	10	96
Min	26.04	14.96	5.72	14.44	7.92	6.44	75.52
Median	30	16	6	16	8	6	78
Mod	30	16	4	16	8	10	82
Sisihan Piawai	7.61	2.22	2.22	5.15	1.50	3.24	13.01
Minimum	0	8	0	0	4	2	38
Maksimum	30	20	10	20	10	10	96
Julat	30	12	10	20	6	8	58

Berdasarkan keputusan keseluruhan dalam ujian ini, terdapat 29 orang responden (58%) yang memperolehi skor yang sama atau melebihi nilai skor min keseluruhan atau nilai purata iaitu 75.52 yang mewakili tahap penguasaan pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama dan bakinya 21 orang responden (42%) mendapat markah kurang daripada skor min tersebut. Dengan ini bermakna bahawa lebih banyak nilai skor yang lebih daripada nilai min, berbanding dengan jumlah skor yang berada di bawah nilai min yang menunjukkan satu pencapaian baik untuk kumpulan ini.

Manakala nilai median iaitu nilai tengah sesuatu taburan skor yang disusun secara menaik atau menurun adalah 78 dan nilai mod sebanyak 82 yang menandakan kekerapan tertinggi markah yang diperolehi oleh responden dalam ujian ini. Nilai

sisihan piawai pula adalah 13.01 dengan julat skor responden antara (38-96) iaitu 58. Julat skor yang besar antara pelajar berpencapaian tinggi yang mendapat 96 markah dan pelajar berpencapaian rendah yang mendapat 38 markah adalah tidak seimbang di kalangan pelajar.

Menurut Ee Ah Meng (2002:128), nilai mod yang lebih besar daripada nilai median dan nilai median yang lebih besar daripada nilai min menunjukkan ramai pelajar yang berpencapaian baik, kerana markah mereka lebih tinggi daripada markah min ujian tersebut. Jika dilihat dari segi kedudukan ukuran kecenderungan memusat dalam keputusan ujian ini, nilai mod adalah 82, nilai median 78 dan nilai min 75.52, menunjukkan pencapaian dan penguasaan pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama dalam aspek kata nama bahasa Arab adalah baik.

Secara umumnya, keputusan ujian ini berdasarkan nilai min bagi setiap soalan menunjukkan sebahagian besar pelajar dapat menjawab Soalan 1, 2, 3, 4 dan 5 dengan baik, tetapi pencapaian dalam soalan 6 tidak begitu membanggakan. Dalam Soalan 1 terdapat 38 orang pelajar yang mendapat skor sama atau melebihi min iaitu 26.04. Dalam soalan 2 seramai 36 orang pelajar mendapat skor sama atau melebihi min iaitu 14.96. Seterusnya dalam soalan 3 seramai 30 orang pelajar memperolehi skor sama atau melebihi min iaitu 5.72. Manakala dalam soalan 4, terdapat 28 orang pelajar mendapat skor sama atau melebihi min iaitu 14.44 dan dalam soalan 5 seramai 38 orang pelajar mendapat skor sama atau melebihi min iaitu 7.92. Bagaimanapun dalam soalan 6, hanya mencatat 20 orang pelajar yang memperolehi skor sama atau melebihi min iaitu 6.44.

Pencapaian pelajar dalam ujian ini juga dilaporkan mengikut skala gred pemarkahan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) Kurikulum Bersepadu Sekolah

Menengah (KBSM) iaitu gred-gred A, B, C, D dan E, dengan gred A dianggap sebagai pencapaian tertinggi dengan gred E adalah pencapaian terendah seperti maklumat dalam Jadual 4.19 di bawah.

Jadual 4.19 : Skala Gred Pemarkahan Penilaian Menengah Rendah (PMR)

KBSM

Markah	Gred	Tafsiran
80-100	A	Cemerlang
65-79	B	Kepujian
50-64	C	Baik
40-49	D	Mencapai Tahap Penguasaan Minimum
0-39	E	Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum

Pelajar-pelajar yang memperolehi gred A, B, C dan D dianggap menguasai kemahiran dalam mata pelajaran berkenaan, manakala gred E dianggap tidak mencapai tahap penguasaan minimum dan sangat lemah.

Jadual 4.20 : Analisa Keputusan Keseluruhan Ujian Bertulis

Gred	Markah	Kekerapan	Peratus
A	80-100	23	46
B	65-79	19	38
C	50-64	5	10
D	40-49	2	4
E	0-39	1	1
Jumlah		50	100

Analisis keputusan keseluruhan ujian bertulis seperti Jadual 4.20, menunjukkan seramai 23 orang pelajar (46%) berjaya mendapat gred A iaitu pencapaian cemerlang. Seterusnya diikuti oleh 19 orang pelajar (38%) mendapat gred B, 5 orang pelajar (10%) mendapat gred C, 2 orang pelajar (4%) mendapat gred D dan seorang pelajar (2%)


mendapat gred E iaitu tidak mencapai tahap penguasaan minimum. Keputusan ini juga menunjukkan 42 orang pelajar (84%) yang mewakili sejumlah besar daripada mereka telah mendapat gred A dan B, berbanding dengan 8 orang pelajar (16%) yang hanya mendapat gred C, D dan E.

Dengan ini menggambarkan sebilangan besar pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama berpencapaian baik, walaupun terdapat segelintir daripada mereka yang mencapai tahap penguasaan minimum dan tidak mencapai tahap penguasaan minimum mengikut skala gred pemarkahan PMR KBSM.

4.3.1.1 Analisis Pencapaian Pelajar Dalam Soalan 1

Soalan ini berkenaan golongan kata nama dalam bahasa Arab yang dikenali juga sebagai al-Kalimah (الكَلِمَةُ) iaitu Kata Nama (الاسْمُ), Kata Kerja (الفِعْلُ) dan Partikel atau Kata Sendi (الحَرْفُ) yang mengandungi lima ayat dengan jumlah markah keseluruhan sebanyak 30 markah.

Dalam setiap ayat bahasa Arab tersebut terdapat kata nama, kata kerja dan partikel dengan peruntukan dua markah bagi setiap golongan kata bahasa Arab yang dikenal pasti secara tepat. Pelajar dikehendaki mengklasifikasikan setiap jenis golongan kata bahasa Arab yang terdapat dalam setiap ayat tersebut dan menulisnya dalam ruangan jawapan yang disediakan.




Rajah 4.4 : Pencapaian Pelajar Dalam Soalan 1

Berdasarkan Rajah 4.4 di atas, seramai 31 orang (62%) daripada 50 orang pelajar yang dapat menjawab kesemua Soalan 1 dengan menyenaraikan golongan kata bahasa Arab mengikut golongannya secara tepat. Manakala 19 orang lagi pelajar (38%) tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Bahkan terdapat juga pelajar yang tidak memperolehi sebarang markah dan segelintir daripada mereka hanya mendapat markah sekitar 2 hingga 10 markah iaitu tidak mencapai separuh daripada markah penuh.

Di samping itu wujud perbezaan yang amat ketara antara pelajar yang mendapat markah tertinggi dan markah terendah. Analisis dapatan ini menunjukkan penguasaan pelajar dalam golongan kata nama bahasa Arab berada pada tahap baik dengan sebahagian besar daripada pelajar mencatat markah penuh, walaupun terdapat sebilangan kecil sahaja yang tidak dapat menguasainya.

4.3.1.2 Analisis Pencapaian Pelajar Dalam Soalan 2

Soalan ini menguji penguasaan pelajar dalam kata nama bahasa Arab dari segi gender iaitu Kata Nama Maskulin atau Mudhakkar (اسم المذكر) dan Kata Nama Feminin atau Mu'annath (اسم المؤنث), dengan jumlah markah sebanyak 20 markah. Pelajar dikehendaki memilih dan menentukan Kata Nama Mudhakkar dan Kata Nama Mu'annath dalam senarai kata nama yang disediakan dengan peruntukan dua markah bagi setiap jenis dari kedua-dua golongan kata tersebut.




Rajah 4.5 : Pencapaian Pelajar Dalam Soalan 2

Berpandukan Rajah 4.5, hanya seorang pelajar (2%) yang dapat menjawab semua soalan dengan tepat dan mendapat markah penuh iaitu 20 markah. Manakala taburan markah bagi 49 orang lagi pelajar adalah 8, 12, 16 dan 18 yang mencatat seramai 33 orang pelajar (66%) mendapat 16 markah. Taburan markah ini menggambarkan pencapaian pelajar dalam Soalan 2 adalah sederhana.

4.3.1.3 Analisis Pencapaian Pelajar Dalam Soalan 3

Soalan ini mengandungi lima soalan dalam bentuk ayat yang menguji tahap penguasaan pelajar dalam kata nama bahasa Arab dari segi bilangan iaitu Kata Nama Tunggal atau Mufrad (اسْمُ الْمُفْرَدِ) Kata Nama Dual atau Muthanna (اسْمُ الْمُثَنَّى) dan Kata Nama Jama' (اسْمُ الْجَمْعِ) termasuklah Kata Nama Jama' Mudhakkar Sa:lim (جَمْعُ الْمَذَكَّرِ السَّالِمِ), Kata Nama Jama' Mu'annath Sali:m (جَمْعُ الْمُؤَنَّثِ السَّالِمِ) dan Kata Nama Jama' Taksi:r (جَمْعُ التَّكْسِيرِ). Setiap soalan ini diperuntukkan 2 markah.



Rajah 4.6 : Pencapaian Pelajar Dalam Soalan 3

Merujuk carta bar dalam Rajah 4.6, kekerapan tertinggi menunjukkan 16 orang pelajar (32%) mendapat 4 markah dan 2 orang pelajar berjaya mendapat markah penuh iaitu 10 markah. Bagaimanapun seorang pelajar dikenal pasti amat lemah dalam penguasaan kata nama dari segi bilangan berdasarkan pencapaiannya yang tidak mendapat sebarang markah. Secara keseluruhannya pencapaian pelajar dalam golongan kata nama dari segi


bilangan adalah pada tahap sederhana dan hanya segelintir pelajar yang tidak dapat menguasainya.

4.3.1.4 Analisis Pencapaian Pelajar dalam Soalan 4

Soalan ini bertujuan menguji sejauhmana penguasaan pelajar terhadap golongan kata nama bahasa Arab dari segi ketentuannya (التَّعْيِين) iaitu Kata Nama Nakirat (النَّكِرَة) dan

Kata Nama Ma'rifat (المَعْرِفَة). Pelajar dikehendaki menyenaraikan Kata Nama Nakirat dan

Kata Nama Ma'rifat dari satu perenggan yang diberikan, berjumlah 20 markah.




Rajah 4.7: Pencapaian Pelajar Dalam Soalan 4

Dalam Rajah 4.7 memaparkan jumlah pelajar paling ramai ialah mendapat 16 markah iaitu 12 orang (24%) berbanding dengan taburan markah 0, 2, 8, 10, 12, 14, 18 dan 20. Seramai 9 orang pelajar (18%) berjaya mendapat markah penuh dalam soalan ini dan 2 orang pelajar (4%) gagal mendapat sebarang markah. Oleh itu, penguasaan pelajar

dalam golongan kata nama bahasa Arab dari segi ketentuannya adalah pada tahap sederhana.

4.3.1.5 Analisis Pencapaian Pelajar Dalam Soalan 5

Soalan 5 menguji penguasaan pelajar dalam penggunaan Kata Tunjuk (اسم الإشارة) yang berjumlah 10 markah. Mereka perlu menentukan Kata Tunjuk yang sesuai bagi setiap ayat yang diberikan.




Rajah 4.8 : Pencapaian Pelajar Dalam Soalan 5

Pencapaian pelajar dalam Soalan 5 sepertimana Rajah 4.8 di atas menggambarkan tahap penguasaan pelajar dalam penggunaan Kata Tunjuk adalah baik. Sebahagian besar pelajar mendapat markah yang tinggi iaitu antara 8 hingga 10 markah yang berjumlah 38 orang (76%). Manakala 12 orang pelajar (24%) mendapat 4 dan 6 markah daripada markah penuh 10 markah.

4.3.1.6 Analisis Pencapaian Pelajar Dalam Soalan 6

Dalam soalan ini, pelajar dikendaki memilih penggunaan Kata Hubung (الاسم الموصول)

dalam setiap 5 ayat yang diberikan, dengan peruntukkan 2 markah bagi setiap ayat.



Rajah 4.9 : Pencapaian Pelajar Dalam Soalan 6

Seramai 20 orang pelajar (40%) mendapat markah penuh 10 markah dalam Soalan 6 seperti yang dinyatakan dalam Rajah 4.9. Seterusnya diikuti dengan 12 orang pelajar (24%) mendapat 6 markah dan 7 orang pelajar (14%) mendapat 4 markah. Manakala 11 orang pelajar (22%) hanya mendapat 2 markah. Ini menunjukkan seramai 18 orang pelajar (36%) tidak berjaya mencapai separuh daripada markah penuh. Berdasarkan pencapaian ini, menggambarkan tahap penguasaan pelajar dalam Kata Hubung tidak memuaskan.

4.4 Huraian Temu Bual Guru Bahasa Arab

Temu bual yang dilakukan kepada tiga orang guru bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Pasir Puteh, Ipoh, Perak bertujuan mengumpul data yang boleh

membantu memantapkan keputusan dapatan kajian ini. Temu bual ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu latar belakang guru bahasa Arab dan maklumat pengajaran bahasa Arab khususnya dari aspek kata nama bahasa Arab. Selain itu, untuk mengenal pasti dan mendapatkan maklumat tentang tahap penguasaan pelajar terhadap kata nama bahasa Arab serta masalah yang dihadapi oleh mereka dalam pengajaran dan pembelajaran, khususnya kata nama bahasa Arab.

4.4.1 Latar Belakang Guru Bahasa Arab

Kesemua 3 orang guru bahasa Arab dalam kajian ini adalah guru perempuan yang berumur dalam lingkungan 30 an dan mempunyai kelayakan akademik tertinggi di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Dua orang guru mempunyai Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan seorang guru mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dari institusi pengajian tinggi awam dan universiti Timur Tengah.

Dari segi kelayakan ikhtisas pula, dua orang guru mendapat Diploma Pendidikan dan seorang guru memiliki Sijil Kursus Dalam Cuti (KDC). Mereka bersikap positif dan berminat mengajar mata pelajaran bahasa Arab dan pernah mengikuti kursus dalam perkhidmatan berkaitan pengajaran dan pembelajaran.

Jika ditinjau dari segi pengalaman mengajar mata pelajaran bahasa Arab di peringkat menengah rendah, secara umumnya mereka berpengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di peringkat menengah rendah antara dua hingga enam tahun dan pernah ditugaskan mengajar pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama, di samping mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dan Celik al-Quran.

Berdasarkan data temu bual, guru-guru tersebut juga mempunyai tugas lain di sekolah selain daripada tugas hakiki mengajar, sama ada terlibat dalam panitia mata pelajaran, guru penasihat unit beruniform, guru penasihat rumah sukan dan guru penasihat persatuan. Ringkasan latar belakang guru bahasa Arab boleh dirujuk dalam Jadual 4.21 di bawah.

Jadual 4.21 : Ringkasan Latar Belakang Guru Bahasa Arab Di SMKKPPI

Aspek		Kekerapan	Peratus
Jantina	Perempuan	3	100
Umur	30 an	3	100
Kelulusan akademik tertinggi	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab	2	67
	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam)	1	33
	Jumlah	3	100
Kelulusan ikhtisas	Diploma Pendidikan	2	67
	Sijil Kursus Dalam Cuti (KDC)	1	33
	Jumlah	3	100
Institusi pengajian	Institusi Pengajian Tinggi Awam	2	67
	Universiti Timur Tengah	1	33
	Jumlah	3	100
Pengalaman mengajar bahasa Arab di peringkat menengah rendah khususnya KAA	2 tahun	1	33
	4 tahun	1	33
	6 tahun	1	33
	Jumlah	3	100

4.4.2 Maklumat Pengajaran Kata Nama Bahasa Arab

Bahagian kedua temu bual menjurus kepada maklumat pengajaran bahasa Arab secara terperinci, berdasarkan beberapa item yang telah ditetapkan. Melalui temu bual yang dijalankan majoriti guru tidak menggunakan bahasa Arab sepenuhnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan peratus penggunaannya adalah sekitar 30% hingga 50% sahaja.

Hanya 2 daripada 3 orang guru yang memperuntukkan masa khusus mengajar kata nama bahasa Arab dan seorang guru tidak mengambil langkah tersebut. Bagaimana pun semua guru menyatakan mereka memperuntukkan sejumlah latihan tertentu berkaitan kata nama bahasa Arab kepada pelajar dan menetapkan jumlah kata nama bahasa Arab yang perlu dikuasai oleh mereka selepas pengajaran dan pembelajaran serta menggalakkan mereka menguasainya.

Hasil daripada temu bual juga guru-guru membahagikan tahap penguasaan pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama terhadap kata nama bahasa Arab kepada tiga tahap iaitu cemerlang, sederhana dan lemah.

4.4.2.1 Teknik Pengajaran Bahasa Arab

Terdapat beberapa teknik yang digunakan oleh guru-guru bahasa Arab untuk mengajar Bahasa Arab Komunikasi kepada pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama iaitu seperti berikut:

- a) Menggalakkan pelajar menghafaz kata nama bahasa Arab yang telah dipelajari.
- b) Menggalakkan pelajar menggunakan kamus dan mencari sendiri makna perkataan bahasa Arab di dalamnya.
- c) Menterjemah perkataan bahasa Arab yang dipelajari ke dalam bahasa Melayu.

- d) Menggunakan kaedah pengajaran nahu tradisional.
- e) Menggunakan isyarat dan menunjukkan sesuatu benda untuk menyampaikan makna bagi sesuatu perkataan bahasa Arab.

4.4.2.2 Faktor-Faktor Kelemahan Pelajar Dan Faktor Persekitaran.

Selain itu, terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti menyebabkan kelemahan pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama menguasai kata nama bahasa Arab yang berpunca daripada mereka sendiri, antaranya :

- a) Malas menghafaz kata nama bahasa Arab yang telah dipelajari menyebabkan mereka tidak dapat menguasai kata nama tersebut dengan baik.
- b) Mengambil mudah terhadap mata pelajaran bahasa Arab berbanding mata pelajaran lain dengan memberikan alasan sukar untuk mengingat kata nama bahasa Arab.
- c) Segelintir daripada pelajar tidak berminat mempelajari mata pelajaran bahasa Arab.
- d) Pelajar sukar untuk membuat perbezaan antara Kata Nama Mudhakkar dan Kata Nama Mu'annath.
- e) Malu bertanya kepada guru tentang sesuatu makna perkataan bahasa Arab yang tidak difahami.
- f) Tidak ada inisiatif sendiri menggunakan kamus bagi mencari makna sesuatu perkataan bahasa Arab dan mengharapkan guru semata-mata.

Manakala faktor-faktor persekitaran yang turut menyumbang kepada permasalahan ini secara tidak langsung seperti berikut:

- a) Kurang persekitaran Arab atau *Bi'at 'Arabiyyat* di sekolah dan dalam bilik darjah.

- b) Guru tidak menggunakan bahasa Arab sepenuhnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran, begitu juga di luar waktu tersebut.
- c) Guru tidak mempraktikkan bahasa Arab semasa berkomunikasi dengan guru bahasa Arab dan pelajar.

4.5 Dapatan Hasil Pemerhatian Di Dalam Bilik Darjah

Bagi memantapkan lagi keputusan dapatan kajian, penyelidik telah menjalankan beberapa pemerhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam bilik darjah. Melalui pemerhatian membolehkan penyelidik mengutip data tentang tingkah laku pelajar terhadap pengajaran guru, sikap pelajar, interaksi pelajar dengan guru dan rakan sekelas samada secara verbal atau bukan verbal. Di samping itu, penyelidik dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari bahasa Arab.

Secara umumnya guru banyak menggunakan kaedah penerangan dan terjemah semasa menyampaikan isi pengajaran serta memainkan peranan yang aktif dengan peratus penggunaan bahasa Arab yang sedikit berbanding peratus bahasa ibunda mengikut situasi pelajar. Keadaan ini tidak membantu pelajar menguasai kata nama bahasa Arab dengan baik dan sedikit sebanyak mempengaruhi tahap pernguasaan mereka dalam aspek tersebut.

Manakala pelajar tidak banyak melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Mereka hanya diminta memberikan contoh-contoh berkenaan isi pelajaran yang dipelajari, menjawab soalan yang diajukan oleh guru, membuat latihan dalam buku latihan dan mencatat nota yang diberikan oleh guru.

Sepanjang pemerhatian dijalankan tidak ada seorang pun pelajar yang mengajukan sebarang persoalan kepada guru berkenaan tajuk yang dipelajari mahupun perkara yang tidak berkenaan dengan pembelajaran masa kini dan hanya memberikan tindak balas selepas disoal oleh guru. Begitu juga pelajar tidak menggunakan bahasa Arab semasa interaksi sesama rakan sekelas mereka. Keadaan ini menunjukkan corak pembelajaran di dalam bilik darjah lebih berpusatkan kepada guru bukannya pembelajaran berpusatkan pelajar.

4.6 Penutup

Secara umumnya dalam bab ini, penyelidik telah mengupas dan memperincikan dapatan kajian berdasarkan instrumen kajian iaitu soal selidik pelajar, ujian bertulis pelajar, temu bual guru bahasa Arab dan pemerhatian di dalam bilik darjah.

Bagaimanapun dapatan kajian ini hanya memfokuskan kepada 50 orang pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama di salah sebuah sekolah menengah di Ipoh, Perak dan tidak dijalankan kepada semua pelajar tingkatan dua Kelas Aliran Agama di seluruh negara kerana melibatkan kumpulan responden yang dipilih secara tidak rawak.

Namun begitu, maklumat-maklumat yang diperolehi daripada dapatan kajian ini diharap boleh membantu kajian seterusnya yang mempunyai ciri-ciri subjek kajian yang sama atau hampir sama dengan subjek kajian ini.